

ANALISIS PENGGUNAAN KOSA KATA BAHASA MELAYU TAHUN 3 DENGAN PERISIAN *RANGE*

Ambikapathi Shanmugam
Jabatan Teknologi Pendidikan

Tay Meng Guat
Jabatan Pengajian Melayu

Shanthi V. Nadarajan
Pusat Pengajian Bahasa, UNIMAS

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kosa kata pelajar pada awal Tahun 4 berdasarkan senarai daftar kosa kata Tahun 3 yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2012. Kajian ini juga meninjau kemampuan buku teks dan buku aktiviti bahasa Melayu Tahun 3 dalam memenuhi tuntutan daftar kosa kata yang dikeluarkan oleh BPK dan membantu pelajar dalam penulisan mereka. Subjek kajian terdiri daripada 58 orang murid sekolah kebangsaan yang kini berada pada awal Tahun 4. Subjek dalam kajian diminta menulis sebuah karangan jenis fakta bertajuk “Kepentingan Menjaga Kesihatan” untuk mengetahui tahap penguasaan kosa kata mereka. Bagi tujuan memperoleh kosa kata daripada bahan pengajaran, setiap muka surat buku teks rasmi dan buku aktiviti diimbis. Perisian *RANGE* (Laufer & Nation, 1995) digunakan untuk membuat analisis kosa kata dalam buku teks dan hasil karangan pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa buku teks dan buku aktiviti mempunyai jenis kata yang sedikit dan kekerapan penggunaan kosa kata yang rendah. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar secara keseluruhan amat bergantung pada buku teks dan buku aktiviti sebagai sumber pembinaan kosa kata mereka.

Kata Kunci: kosa kata, kekayaan kosa kata, kepadatan leksikal, variasi leksikal

Abstract

This study aimed to analyze the level of vocabulary knowledge acquired by Primary 4 students' writing at the beginning of the year based on the Curriculum Development Center's (CDC), prescribed 2012 wordlist. The research also investigated the extent to which the workbook accompanying the Year 3 bahasa Melayu textbook used fulfilled the wordlist provided by CDC. To determine learners' active vocabulary, 58 Year Four National School students were asked to write a factual essay titled "the Importance of Healthcare" in class. A wordlist for the words used was developed by scanning every page of the textbook and workbook and students' active vocabulary was analyzed through the RANGE software (Laufer & Nation, 1995). The findings of the study revealed that both the textbook and workbook contained few word types and the frequency of occurrence was low. It was also found that most students were totally reliant on the words found in the textbook and workbook for their supply of vocabulary knowledge.

Keywords: vocabulary, lexical richness, lexical density, lexical variation

Pengenalan

Kemahiran berbahasa di sekolah rendah merangkumi tiga aspek utama iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Dari tahap I kanak-kanak digalakkan mengenal abjad, bunyi suku kata dan kosa kata untuk bertutur, membaca dan menulis. Kebanyakan proses ini diajarkan melalui aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan berkonsepkan aktiviti didik hibur. Pada tahap II pula, penekanan diberikan kepada pengukuhan dan aplikasi kemahiran bahasa yang teratur. Melalui penguasaan kemahiran bahasa ini, murid dapat berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan. Antara ketiga-tiga kemahiran ini, kemahiran bertulis dianggap lebih sukar dikuasai (Iskandarwassid & Senendar, 2011, p. 248) kerana kemahiran bertulis bukan sesuatu yang dapat dikuasai secara automatik. Kemahiran bertulis hanya dapat dikuasai melalui latihan yang berulang dan melalui penguasaan kosa kata yang luas, mendalam, tepat dan teratur. Mengikut Tarigan (2011), penguasaan bahasa seseorang individu amat bergantung pada kuantiti dan kualiti kosa kata yang dimilikinya. Sehubungan dengan itu buku teks, buku aktiviti dan guru-guru harus memberikan penekanan yang lebih berat dalam aspek penguasaan kosa kata. Kajian ini adalah mengenai pemerolehan kosa kata oleh pelajar-pelajar sekolah rendah yang telah tamat tahun 3, dan analisis

kosa kata terhadap bahan-bahan yang digunakan di sekolah seperti buku teks dan buku aktiviti.

Latar Belakang

Tujuan utama pengajaran bahasa Melayu pada tahap I (Tahun 1 hingga Tahun 3) di sekolah rendah di Malaysia adalah untuk melatih pelajar sekolah supaya mahir dalam penggunaan bahasa seperti mendengar, bertutur, membaca serta menulis dalam Bahasa Melayu. Walaupun keempat-empat penguasaan kemahiran ini saling berkaitan, kemahiran bertulis merupakan kemahiran yang perlu dikuasai dengan cepat kerana kemahiran ini berkaitan dengan perkembangan motor iaitu koordinasi mata dan tangan serta amat berguna dalam penguasaan bahasa merentas kurikulum dan untuk kemahiran literasi baharu. Selain itu, pengetahuan kosa kata yang luas dan mendalam amat penting kerana pengetahuan ini dapat membantu pelajar untuk membaca dengan pantas serta memudahkan proses meneka maksud perkataan baharu melalui segi konteks (Laufer, 2003). Bagi pelajar bahasa kedua atau pelajar yang berasal dari latar belakang sosial ekonomi yang rendah berkemungkinan besar buku teks dan bahan bercetak di sekolah merupakan sumber bahan utama untuk membantu mereka menguasai kosa kata akademik. Dengan itu sekolah dan guru memainkan peranan penting dalam menetapkan bahan bacaan, pemilihan tajuk dan aktiviti dalam buku teks dan buku kerja supaya dapat membantu pelajar mengenal, menambah serta mendalami pengetahuan kosa kata. Dengan ini, akan memberikan galakan kepada pelajar sekolah rendah untuk membaca dengan secara meluas yang menjadi amalan pengajaran yang baik. Selain itu, guru-guru sekolah rendah juga bertanggungjawab untuk membiasakan pelajar dengan perkataan dan bahasa yang digunakan dalam buku teks dan buku kerja supaya pengetahuan bahasa terutamanya dalam kalangan pelajar yang kurang berpulang menggunakan bahasa Melayu di rumah dapat diperkukuh.

Di samping itu, pendedahan kepada kosa daripada pelbagai sumber juga amat penting kepada pelajar sekolah kerana aktiviti dan proses ini dapat membantu pelajar untuk membina mesej mereka dengan berkesan, mempelbagaikan penggunaan kosa kata serta menzahirkan tahap pemikiran yang lebih tinggi. Guru kelas tahap rendah perlu menggalakkan pelajar untuk mempelbagaikan penggunaan kosa kata dalam tugas penulisan di sekolah supaya pelajar berjaya menguasai bilangan kosa kata yang meluas. Malangnya kebanyakan guru kelas tidak menekankan penggunaan kosa kata, mungkin kerana difikirkan bilangan kosa kata dalam buku teks agak luas dan pengajaran kosa kata secara langsung kurang digalakkan dalam kaedah pengajaran bahasa berbanding dengan pengajaran secara kontekstual. Perlu diingatkan bahawa dalam proses penulisan bahasa, kedua-dua elemen iaitu gaya dan isi perlu diberikan keutamaan. Memandangkan terdapat banyak kosa kata yang mempunyai lebih daripada satu maksud, maka adalah sesuai untuk menggalakkan

pelajar membaca dan mempelbagaikan penggunaan kosa kata aktif mereka. Pelajar juga perlu diajar untuk memilih idea dan kata dengan cermat, agar perkara yang ditulis oleh mereka mudah difahami oleh pembaca. Penguasaan kosa kata yang luas dapat memperluas pengalaman dan pengetahuan pelajar serta membantu mereka dalam mengenal konsep-konsep asas yang penting. Oleh itu senarai daftar kata dalam kurikulum sekolah rendah amat berguna kerana daftar kata tersebut merangkumi perkataan yang kerap digunakan di sekolah rendah.

Kepentingan Perkembangan Kosa Kata

Keupayaan berbahasa merupakan kemahiran yang penting. Dalam keadaan ini, kosa kata merupakan elemen penting dan asas dalam komunikasi. Bagi pelajar sekolah rendah, masa yang diperuntukkan untuk membaca dan menyiapkan buku aktiviti amat penting kerana situasi ini memberikan peluang untuk melatih dan memantapkan penggunaan bahasa mereka. Oleh itu, buku teks dan buku aktiviti harus mengandungi banyak kosa kata yang kerap kali diulangi supaya menjadi sebahagian daripada daftar kata pelajar. Menurut Laufer dan Nation (1995) seseorang yang tidak menggunakan kata yang berlainan dalam penulisan boleh dianggap sebagai tidak mempunyai kosa kata yang mencukupi manakala pelajar yang menggunakan kosa kata yang luas dianggap sebagai mahir dalam berbahasa.

Pengetahuan kosa kata boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu kosa kata aktif dan kosa kata pasif. Gathercole dan Baddeley (1989) menjelaskan bahawa antara faktor penting yang mempengaruhi kebolehan penguasaan kosa kata ialah keupayaan untuk menyimpan susunan bunyi bahasa dalam ingatan jangka pendek. Kosa kata yang mudah diingat dan sering kali digunakan dianggap sebagai kosa kata aktif. Keupayaan ingatan seperti ini membantu seseorang untuk menggunakan pelbagai kosa kata dalam komunikasi seharian dengan mudah. Kebanyakan penutur jati bahasa tertentu mampu mengingat beberapa susunan kosa kata dalam bentuk kolokasi dan rangkaian perkataan (Laufer, 1995). Kosa kata pasif meliputi kata-kata yang dikenali oleh individu tetapi mungkin jarang-jarang digunakan sehingga pengguna lupa atau memerlukan beberapa rangsangan untuk mengaktifkannya semula. Seseorang individu akan memiliki lebih banyak kosa kata pasif berbanding dengan kosa kata aktif. Kosa kata pasif mudah dilupa kerana hubungannya dengan ingatan pengguna bahasa adalah lemah. Dengan itu guru-guru sekolah perlu memberikan penekanan yang lebih terhadap jenis kosa kata yang digunakan oleh pelajar dan cuba mengukur perkembangan kosa kata yang digunakan oleh pelajar dari semasa ke semasa. Selain itu, bahan bacaan yang digunakan di dalam kelas perlu mempunyai jenis kosa kata yang sesuai dengan tahap pelajar.

Salah satu persoalan yang sering dikemukakan ialah jumlah perkataan yang harus diketahui oleh seseorang untuk membolehkannya menggunakan strategi pemikiran yang lebih tinggi. Sebelum memberi kenyataan adalah sesuai jika dijelaskan maksud jenis kosa kata. Perkataan 'pelajar' dan 'sekolah' merupakan dua patah perkataan. Namun 'pelajar', 'pelajaran', 'pelajar-pelajar' dianggap sebagai satu jenis perkataan kerana masing-masing mempunyai kata akar yang sama. Di sini klasifikasi Nation (1983, 1995, 2000) akan digunakan. Berbalik kepada bilangan perkataan yang perlu diketahui, Laufer (1991, 1997, 2007) telah menyenaraikan kosa kata sebagai jenis perkataan (termasuk imbuhan) dan diambil kira semasa mengira kepadatan leksikal. Dengan ini didapati bahawa seseorang pelajar mesti menguasai sekurang-kurangnya 2000 patah perkataan untuk membantunya membaca bahan penulisan (seperti buku cerita dan bahan media) yang ditulis oleh penutur natif sesuatu bahasa manakala 3000 jenis perkataan untuk membaca buku ilmiah. Sekiranya pelajar tersebut memiliki kurang daripada 2000 patah perkataan, maka akan menghadapi masalah untuk membaca teks dalam bahasa tersebut seperti buku cerita dan perlu dibimbing. Seseorang yang hanya menguasai 1000 patah perkataan dan kebawah kemungkinan besar akan hanya mengenal maksud perkataan yang mudah dan tidak dapat berfikir secara mendalam ataupun membina ayat kompleks.

Pada masa ini terdapat beberapa cara untuk menilai perkembangan kosa kata dalam penulisan murid-murid sekolah. Salah satu cara adalah dengan mengira tahap dan jenis kosa kata dengan menggunakan beberapa perisian pengukuran lexis yang telah disediakan oleh pakar literasi sebelum ini. Ukuran seperti *RANGE* telah digunakan untuk menganalisis pelbagai bahasa (seperti bahasa Inggeris, Perancis) dan boleh digunakan untuk menganalisis kepadatan daftar kata tertentu mengikut senarai yang dikehendaki. Kebanyakan daripada kajian lepas menggunakan Perisian *RANGE* untuk menentukan kemampuan sesuatu bahan bacaan ataupun buku kerja dalam membantu pelajar untuk menguasai kosa kata yang dikehendaki (Read, 2000). Pengetahuan sebegini dapat membantu guru sekolah untuk menyediakan aktiviti pengukuhan untuk pelajar tertentu. Kajian kosa kata biasanya menggunakan statistik untuk mengetahui hubungan kait kualiti penulisan pelajar dengan pengetahuan kosa kata mereka melalui ujian kosa kata tertentu (Laufer and Nation, 1995). Kaedah ini juga amat berguna untuk menentukan sama ada sesuatu bahan bacaan yang digunakan di sekolah menggunakan kosa kata yang sesuai, memadai dan membantu. Selain itu, kajian juga telah membuktikan bahawa pelajar tahap 1 yang berumur dalam lingkungan 10 tahun perlu digalakkan untuk menguasai sekurang-kurangnya 2000 patah perkataan pertama dalam bahasa supaya mereka dapat memahami bahan bacaan ilmiah pada tahap dua. Selepas pelajar belajar menguasai bilangan perkataan ini, mereka boleh diajar untuk menguasai perkataan akademik dan kata-kata saintifik jika perlu.

Kepentingan Penguasaan Kosu Kata

Kosa kata yang diperoleh daripada bahan bacaan mampu meningkatkan bilangan kata serta memperkayakan pengalaman pelajar. Oleh itu bahan-bahan seperti buku teks, buku latihan dan bentuk latihan yang diberikan kepada pelajar perlu diberi perhatian khusus kerana penguasaan kosa kata secara berperingkat mampu meningkatkan daya pemikiran pelajar. Menurut Laufer dan Nation (1995) kualiti sesuatu hasil penulisan bergantung pada saiz penguasaan kosa kata seseorang, maka adalah penting untuk menekankan penguasaan kosa kata dari awal. Selain itu, kekayaan kosa kata juga memaparkan cara seorang individu mengolah perbendaharaan kata yang diperoleh dalam pelbagai situasi dan konteks yang berbeza. Kosa kata tidak boleh diajarkan secara terus melalui penghafalan dalam kalangan kanak-kanak. Kosa kata perlu diajarkan secara "situasional" yang menuntut pelajar menggunakan kosa kata yang diperoleh secara spontan. Oleh hal demikian, jika buku teks kurang mempelbagaikan kosa kata ataupun tidak menggunakan kosa kata yang disyorkan oleh Kementerian, maka pelajar tidak akan berkesempatan untuk meluaskan saiz kosa kata mereka terutama sekali jika mereka tidak berpeluang untuk menggunakan bahasa tersebut di luar sekolah.

Penggunaan kosa kata dalam hasil penulisan pelajar mampu membezakan karangan baik dengan yang lemah. Santos (1988) mendapati bahawa kesilapan penggunaan kosa kata merupakan masalah utama dalam penulisan karangan. Pemilihan kosa kata yang tepat merupakan penanda utama tentang sama ada penulis tersebut telah menguasai bahasa tersebut (Nation, 2001). Perbandingan antara hasil karya penutur jati, dengan penutur kedua menunjukkan bahawa penutur jati biasanya menggunakan variasi kosa kata yang jauh lebih banyak berbanding dengan penutur bahasa kedua (Harley dan King, 1989). Dengan itu, adalah amat penting agar buku teks di sekolah mempunyai bilangan kosa yang tinggi supaya pelajar dapat manfaat daripadanya. Kini terdapat beberapa sistem pengukuran kosa kata dalam penulisan seperti Ujian *Levels* (Nation, 1983), Ujian *Cloze* dan *Profail* Keckerapan Lexis (Laufer dan Nation, 1995). Ujian seperti ini mampu menunjukkan perbezaan penggunaan kosa kata antara pelajar mengikut masa. Dengan ini disyorkan supaya guru-guru menggunakan instrumen seperti ini untuk mengukur kosa kata yang terkandung dalam buku teks untuk melihat tahap kemampuan bahan itu dapat meluaskan perbendaharaan kata pelajar.

Kosa Kata Dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah

Kosa kata dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bahasa Melayu terdiri daripada kata umum dan istilah. Standard kandungan 3.6 dalam kurikulum bermatlamatkan kemahiran menulis untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang santun, manakala standard pembelajarannya pula ternyata dalam 3.6.1, iaitu menulis untuk menyampaikan maklumat yang betul menggunakan idea

utama dan idea sampingan dengan bahasa yang santun. Standard pembelajaran ini menuntut penguasaan dan penggunaan kosa kata yang kaya dan pelbagai jenis.

Seterusnya dalam konteks yang lebih luas, Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan dapat berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian.

Pernyataan Masalah

Dalam usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah rendah, terdapat permasalahan utama yang perlu diberikan perhatian, iaitu kelemahan pelajar dalam penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Faktor kelemahan ini pasti memberikan kesan yang negatif kepada pelajar dalam usaha untuk menguasai bahasa Melayu sama ada dalam kecekapan berbahasa mahupun dalam pencapaian peperiksaan. Pada masa ini, tidak ada banyak kajian mengenai penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar sekolah rendah di Malaysia dan kajian yang sedia ada biasanya berkaitan dengan kajian disleksia (Vijayaletchumi et.al, 2014) ataupun dijalankan di rantau Asia Tenggara (Fann, 2000).

Selain itu, kelemahan penguasaan kosa kata akan menyebabkan para pelajar tidak dapat membina ayat yang tepat apatah lagi menulis karangan yang berkualiti. Banyak faktor yang mempengaruhi ketidakupayaan pelajar untuk menguasai kosa kata bahasa Melayu dengan baik, antaranya ialah kekurangan amalan membaca dalam kalangan pelajar, kekurangan bahan bacaan di dalam kelas, kelemahan dalam sumber bahan rujukan utama pembelajaran iaitu bahan buku teks dan buku aktiviti. Akibatnya pelajar yang hanya mengetahui bilangan kosa kata yang kecil akan banyak menghabiskan masa dengan meneka makna perkataan yang sukar. Keadaan ini akan menjejaskan pemikiran aras tinggi dalam kalangan pelajar.

Bertitik tolak daripada ini, kertas kerja ini akan meninjau beberapa aspek yang berkaitan dengan kosa kata dalam buku teks dan buku aktiviti bahasa Melayu Tahun 3. Aspek-aspek tersebut akan dikaitkan dengan hasil penulisan karangan pelajar untuk mengesan penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar sekolah rendah di Malaysia. Melalui analisis tersebut, beberapa implikasi akan ditemukan dan diharapkan agar hasil penemuan dapat membantu usaha meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah rendah.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui tahap penguasaan kosa kata oleh pelajar pada awal Tahun 4 berdasarkan senarai daftar kosa kata Tahun 3 yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) pada tahun 2012. Kajian ini juga akan meninjau tahap kemampuan bahan-bahan yang digunakan oleh pelajar tahun tiga, seperti buku teks dan buku aktiviti dalam memenuhi tuntutan daftar kosa kata yang dikeluarkan oleh BPK bagi Tahun 3. Seterusnya kajian ini akan mencuba mengenal pasti tahap penggunaan kosa kata murid Tahun 3 dalam penulisan karangan jenis fakta.

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Sejauh manakah buku teks dan buku aktiviti bahasa Melayu Tahun 3 menunjukkan variasi leksikal dan kepadatan leksikal?
2. Sejauh manakah kosa kata yang digunakan dalam buku teks dan buku aktiviti bahasa Melayu Tahun 3 memenuhi tuntutan senarai daftar kata yang dikeluarkan oleh BPK bagi Tahun 3?
3. Sejauh manakah murid menggunakan daftar kata yang disenaraikan dalam sukatan pelajaran bahasa Melayu Tahun 3 dalam penulisan karangan?
4. Sejauh manakah murid menggunakan kosa kata dalam buku teks dan buku aktiviti bahasa Melayu Tahun 3 dalam penulisan karangan?

Skop Kajian

Kajian ini terbatas kepada perkara-perkara yang dihadkan oleh pengkaji. Antara batasan tersebut adalah dari segi subjek kajian dan lokasi. Kajian ini terbatas kepada subjek kajian yang terdiri daripada seramai 58 orang murid dari salah sebuah sekolah di daerah Kuching. Mereka telah tamat Tahun 3 dan kini berada pada awal Tahun 4. Penggunaan kosa kata oleh pelajar dalam hasil penulisan, dibatasi oleh tajuk karangan dan had masa yang diberikan oleh pengkaji.

Prosedur Kajian

Subjek Kajian

Subjek kajian ini terdiri daripada 58 orang murid sekolah kebangsaan yang kini berada pada awal Tahun 4. Mereka telah menamatkan persekolahan Tahun 3 di sekolah yang sama. Sekolah ini mengamalkan sistem aliran '*streaming*'. Murid-murid ditempatkan di kelas baik, sederhana dan lemah mengikut pencapaian akademik dalam peperiksaan.

Pemerolehan Data

Subjek dalam kajian diminta menulis sebuah karangan bertajuk “Kepentingan Menjaga Kesihatan”. Pelajar diberi masa satu jam untuk menyempurnakan karangan mereka. Pelajar dimaklumi bahawa hasil karangan ini akan dinilai sebagai ujian bulanan. Tujuan makluman ini adalah supaya pelajar akan memberikan komitmen yang tinggi ketika menulis karangan berkenaan.

Bagi tujuan memperoleh kosa kata daripada bahan pengajaran, setiap muka surat buku teks rasmi bahasa Melayu Tahun 3 dan buku aktiviti Jilid 1 & 2 bahasa Melayu Tahun 3 diimbas menggunakan *Hewlett Packard Scanner*. Hasil imbasan ini dalam format “txt” supaya perisian komputer dapat mengira bilangan perkataan dalam bahan tersebut. Manakala, daftar kosa kata bahasa Melayu Tahun 3 diperoleh daripada dokumen standard bahasa Melayu Tahun 3 yang dikeluarkan oleh BPK.

Analisis Data

Kesemua 58 buah hasil karangan murid ditaip dalam perisian *Microsoft Word* dan ditukar kepada format “txt” seperti yang disyorkan oleh pereka perisian tersebut. Kata-kata yang salah dieja dibetulkan sebelum diambil kira. Semua kata nama khas dikeluarkan daripada senarai memandangkan kata-kata tersebut tidak berfungsi untuk mempamerkan kekayaan kosa kata seseorang individu. Semua kata berimbuhan dan gandaan diambil kira sebagai satu kata yang tersendiri kerana kata-kata tersebut membawa makna yang berbeza.

Perisian komputer yang bernama *RANGE* yang diperkenalkan oleh Laufer dan Nation (1995) digunakan untuk membuat analisis kosa kata. Perisian ini berupaya membuat analisis leksikal berdasarkan teks. Perisian ini merupakan hasil kajian ISP Nation yang boleh digunakan untuk analisis kosa kata dan amat sesuai untuk guru-guru sekolah (Read, 2000). Di samping mengira frekuensi, perisian ini juga berupaya membandingkan kosa kata daripada teks (hasil penulisan pelajar) dengan senarai kosa kata yang disediakan oleh pengkaji dan seterusnya memaparkan analisis dalam bentuk bilangan dan peratus. Bagi tujuan menganalisis kosa kata daripada buku teks dan buku aktiviti bahasa Melayu Tahun 3, perisian *RANGE* digunakan untuk membandingkannya dengan senarai daftar kata dokumen standard bahasa Melayu Tahun 3.

Dapatan Kajian

Analisis Leksikal Buku Teks dan Buku Aktiviti Bahasa Melayu Tahun 3

Analisis kosa kata Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 3 menunjukkan bahawa terdapat 2490 jenis kata berbanding dengan 13119 jumlah kata keseluruhan. Jika diteliti 10 jenis kosa kata pertama (di, dan, ini, yang, kita,

itu, saya, untuk, mereka, pada) digunakan sebanyak 1989 kali (15.16%) dalam teks (Jadual 1). Manakala daripada 2490 jenis kata, 50 jenis kata pertama digunakan sebanyak 4227 kali (32.22%) dalam teks.

Jadual 1

Analisis Leksikal Buku Teks dan Buku Aktiviti Jilid 1 & 2 Bahasa Melayu Tahun 3

Jenis Kata	Buku Teks		Buku Aktiviti Jilid 1 & 2		Perbezaan (%) antara buku teks & aktiviti
	Kekerapan Penggunaan (bil)	Peratusan Penggunaan	Kekerapan Penggunaan (bil)	Peratusan Penggunaan	
10 jenis kata yang pertama	1989	15.16	1838	14.77	0.39*
50 jenis kata yang pertama	4227	32.22	4000	32.14	0.06*
Kata yang wujud sekali dalam teks	1119	8.53	1130	9.80	-1.27
Kata yang wujud 2 kali dalam teks	857	6.53	794	6.38	0.15*
Kata yang digunakan 3 kali dalam teks	688	5.23	683	5.49	-0.26

Analisis leksikal Buku Aktiviti Jilid 1 & 2 Bahasa Melayu Tahun 3 menunjukkan bahawa terdapat 2475 jenis kata daripada 12445 jumlah kata. Jika diteliti 10 jenis kata pertama (dan, yang, di, itu, saya, kita, mereka, ke, kita, pada) digunakan sebanyak 1838 kali (14.77%) dalam teks (Jadual 1). Kata seperti ini boleh dianggap sebagai bahasa fungsional iaitu kata penyambung antara isi. Selain itu, daripada 2475 jenis kata, 50 jenis kata pertama diulang sebanyak 4000 kali (32.14%) dalam teks. Hasil perbandingan analisis leksikal antara buku teks dan buku aktiviti tidak banyak berbeza berdasarkan perbezaan peratusannya yang amat kecil walaupun buku aktiviti menunjukkan kekayaan leksikal yang lebih tinggi (lihat tanda * dalam Jadual 1).

Antara ukuran popular kekayaan leksikal dalam sesuatu teks ialah Kepadatan Leksikal (*Lexical Density*) dan Variasi Leksikal (*Lexical Variation*) (Laufer & Nation, 1995). Kepadatan Leksikal (PL) ialah nisbah peratus kosa kata yang berfungsi (leksis) untuk menyampaikan maklumat dengan jumlah kata dalam sesuatu teks. Dalam ukuran ini hanya kata nama, kata kerja, adjektif dan adverb sahaja diambil kira. Semua kosa kata tugas (kecuali kata adverb) seperti 'dan', 'untuk', 'jika', 'pada', disingkirkan kerana kata-kata tersebut merupakan kata paling asas dalam komunikasi. Rumusan untuk pengiraan Kepadatan Leksikal adalah seperti berikut:

$$PL = \frac{\text{Bilangan kosa kata leksis}}{\text{Jumlah kosa kata dalam teks}} \times 100$$

Buku teks mengandungi 13119 jumlah kata dan 3610 daripadanya ialah kata tugas. Ini bermakna 9509 kata sahaja ialah kata leksis. Berdasarkan rumus pengiraan PL untuk buku teks bahasa Melayu Tahun 3 ialah:

$$PL = \frac{9509}{13119} \times 100 = 72.48\%$$

Variasi Leksikal (VL) ialah nisbah peratus jumlah jenis kata dengan jumlah kata yang digunakan dalam teks. Variasi leksis yang tinggi menunjukkan teks berkenaan kaya dengan pelbagai kosa kata. Formula dan pengiraan VL untuk buku teks bahasa Melayu Tahun 3 ini dapat diringkaskan seperti berikut:

$$VL = \frac{\text{Bilangan jenis kata}}{\text{Jumlah kosa kata dalam teks}} \times 100 = \frac{2490}{13119} \times 100 = 18.90\%$$

Dengan menggunakan cara yang sama, hasil pengiraan PL dan VL bagi buku aktiviti masing-masingnya ialah 60.76 dan 30.80 peratus. Ini bermakna, walaupun buku aktiviti banyak mengandungi kata tugas dalam teks tetapi tidak mempunyai kepelbagaian dari segi variasi kata yang digunakan berbanding dengan buku teks.

Analisis Kosa Kata Buku Teks dan Buku Aktiviti Bahasa Melayu Tahun 3 berbanding dengan Senarai Daftar Kata BPK

Dengan menggunakan perisian yang sama didapati bahawa senarai daftar kata yang diterbitkan oleh BPK mengandungi 1675 jenis kata. Analisis menunjukkan bahawa Buku Teks bahasa Melayu Tahun 3 hanya mengandungi 15.50% (386) daripada 1675 jenis kata yang diterbitkan oleh BPK untuk tahun 3. Analisis kekerapan penggunaan daftar kata BPK dalam buku teks ialah 2038 kali (15.53%) daripada 13119 jumlah penggunaan keseluruhan.

Buku Aktiviti Jilid 1 & 2 bahasa Melayu Tahun 3 mengandungi 14.87% (368) daripada 1675 jenis kata yang dikeluarkan oleh BPK. Manakala kekerapan penggunaan daftar kata BPK dalam buku aktiviti cuma 1838 kali (14.77%) daripada 12445 jumlah penggunaan.

Analisis Daftar Kata Yang Disenaraikan dalam Dokumen Standard Bahasa Melayu Tahun 3 dalam Penulisan Karangan Pelajar

Analisis kesemua 58 buah karangan pelajar menunjukkan bahawa terdapat 520 jenis kata daripada 4453 jumlah kata. Ini bermakna purata panjang sebuah karangan pelajar ialah cuma 77 patah perkataan. Keadaan ini berlaku kerana pelajar daripada kelas lemah tidak dapat menghasilkan karangan yang melebihi 100 perkataan walaupun diberi tempoh masa yang

cukup. Jika diteliti 10 jenis kata pertama (kita, dan, yang, kesehatan, menjaga, badan, makanan, dapat, supaya, tidak) digunakan sebanyak 1315 kali (29.53%) dalam karangan (Jadual 2). Antara perkataan ini 3 jenis kata asas pertama (kita, dan, yang) digunakan sebanyak 680 kali (15.27%) sahaja. Ini bermakna tajuk karangan telah mempengaruhi kekerapan penggunaan baki 7 jenis kata yang disenaraikan. Manakala daripada 520 jenis kata, 50 jenis kata pertama digunakan sebanyak 2653 kali (59.58%) dalam karangan. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar menggunakan jenis kata yang sama. Sekali lagi tajuk karangan telah mempengaruhi kepelbagaian kosa kata pelajar.

Jadual 2

Analisis Leksikal Karangan Pelajar Tahun 4

Jenis Kata	Karangan Pelajar	
	Kekerapan penggunaan (bil)	Peratusan penggunaan
3 jenis kata asas	680	15.27
10 jenis kata yang pertama	1315	29.53
50 jenis kata yang pertama	2653	59.58
Kata yang digunakan sekali dalam karangan	172	3.86
Kata yang digunakan 2 kali dalam karangan	158	3.55
Kata yang digunakan 3 kali dalam karangan	127	2.89

Kata yang digunakan sekali dalam kesemua hasil karangan merupakan kata yang unik kepada seseorang pelajar dan sekali gus dapat menunjukkan kekayaan kosa kata individu pelajar itu. Analisis menunjukkan bahawa 3.86% (172) daripada jumlah kata digunakan sekali dan 3.55% (158) digunakan sebanyak 2 kali dalam penulisan karangan.

Analisis penulisan karangan murid yang berdasarkan tajuk “Kepentingan Menjaga Kesihatan” menunjukkan bahawa hanya 11.35 % (59) jenis kata daripada 1675 jenis kata dalam daftar kata yang diterbitkan oleh BPK untuk Tahun 3. Analisis kekerapan penggunaan daftar kata BPK dalam karangan pelajar ialah 362 kali (8.13%) daripada 4453 jumlah penggunaan keseluruhan.

Analisis Penggunaan Kosa Kata daripada Buku Teks dan Buku Aktiviti Bahasa Melayu Tahun 3 dalam Hasil Penulisan Karangan Pelajar

Bagi tujuan membuat analisis terhadap penggunaan kosa kata daripada Buku Teks dan Buku Aktiviti Jilid 1 & 2 oleh pelajar dalam karangan mereka, pengkaji terpaksa membina satu daftar kata daripada kedua-dua bahan

tersebut. Analisis awal menunjukkan bahawa buku teks dan Buku Aktiviti Bahasa Melayu Tahun 3 mengandungi 2490 dan 2475 jenis kata masing-masing. Pengkaji meneliti semua kata ini dan memurnikan senarai kata ini dengan menyingkirkan baki kata nama yang terdapat dalam senarai. Dengan ini, hanya 2412 dan 2430 jenis kata daripada buku teks dan buku latihan masing-masing digunakan untuk tujuan analisis seterusnya (Jadual 3). Perisian *Range* digunakan untuk membuat analisis.

Jadual 3

Analisis Kosa Kata Hasil Penulisan Karangan Pelajar Berbanding dengan Buku Teks dan Buku Aktiviti Bahasa Melayu Tahun 3

Kata	Karangan pelajar	Buku teks	Buku aktiviti
Jumlah jenis kata	520	2412	2430
Jumlah kata	4453		
Jumlah jenis kata daripada karangan pelajar yang terdapat dalam buku teks/buku aktiviti		325 (62.5%)	316 (60.77%)
Jumlah kata daripada karangan pelajar yang terdapat dalam buku teks/buku aktiviti		3881 (87.15%)	3788 (87.15%)

Hasil analisis menunjukkan bahawa kesemua 58 buah karangan pelajar mengandungi 62.5% (325) jenis kata daripada buku teks. Daripada 4453 jumlah kata daripada karangan pelajar, 3881 (87.15) adalah daripada buku teks. Begitu juga kesemua 58 buah karangan pelajar mengandungi 60.77% (316) jenis kata dan 3788 (87.15%) kata yang terdapat dalam Buku Aktiviti Jilid 1 & 2 Bahasa Melayu Tahun 3. Hasil dapatan menunjukkan kebanyakan pelajar bergantung pada buku teks dan buku aktiviti sebagai sumber pembinaan kosa kata mereka.

Penutup

Rumusan Dapatan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar amat bergantung pada buku teks dan buku aktiviti dalam usaha pemilihan dan penggunaan kosa kata ketika melakukan penulisan. Ini bererti dalam penguasaan bahasa untuk sebahagian besar pelajar, buku teks dan buku aktiviti memainkan peranan yang amat penting sebagai sumber utama untuk memperluas kosa kata mereka. Oleh itu, sumber rujukan sekolah yang kaya dengan kosa kata mampu memperluas proses pengalaman bahasa mereka selain

menajamkan proses penulisan dan pemikiran pelajar. Penggunaan jenis kata yang tinggi (60.77% untuk buku teks dan 87.15% untuk buku aktiviti) dalam penulisan karangan pelajar secara tidak langsung memberikan implikasi bahawa pelajar kurang melakukan pembacaan di luar kelas. Sikap ini adalah kurang sihat untuk pemerolehan dan penguasaan sesuatu bahasa khasnya pembelajaran bahasa kedua. Sewajarnya pelajar hendaklah sentiasa mengamalkan tabiat membaca agar pembinaan kosa kata terus berkembang dan bertambah. Penguasaan dan penggunaan kosa kata yang mantap akan membolehkan pelajar berkomunikasi dengan berkesan dalam kehidupan sosial seharian di samping memenuhi tuntutan pencarian ilmu yang lebih luas.

Selain itu, penggunaan jenis kata asas yang tinggi (15.27%) dalam penulisan karangan memberikan implikasi bahawa pelajar mempunyai penguasaan kosa kata yang lemah. Hal ini mungkin berkaitan dengan kurangnya amalan membaca bahan bacaan tambahan dalam kalangan mereka. Hasil karangan pelajar juga menunjukkan bahawa penggunaan 10 jenis kata yang pertama (29.53%) dan 50 jenis kata yang pertama (59.58%) adalah tinggi. Dapatan ini membayangkan bahawa lebih daripada separuh jenis kosa kata dalam karangan pelajar secara keseluruhannya hanya berada pada tahap sederhana sahaja. Peratus penggunaan kata sekali (3.86%), dua kali (3.55%) dan tiga kali (2.89%) yang rendah dalam penulisan memberikan implikasi bahawa ciri-ciri unik dalam penulisan individu pelajar amat kurang. Sekali lagi, hal ini mungkin kerana kurangnya amalan membaca dalam kalangan pelajar. Faktor kurangnya penyelarasan antara daftar kata BPK dengan buku teks dan buku aktiviti juga menyumbang kepada kelemahan ini.

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang lemah antara kosa kata dalam buku teks dan buku aktiviti dengan daftar kata yang dikeluarkan oleh BPK. Hanya 15.50% jenis kata dan 15.53% kata dalam buku teks terkandung dalam daftar kata manakala bagi buku aktiviti hanya 14.87% jenis kata dan 14.77% kata terkandung dalam daftar kata sedangkan kita sedia maklum bahawa pelajar amat bergantung pada kedua-dua bahan ini sebagai sumber rujukan pembelajaran.

Hasil daripada analisis leksikal terhadap buku teks dan buku aktiviti menunjukkan bahawakedua-dua bahan ini mempunyai kepadatan leksikal dan variasi leksikal yang rendah. Buku teks menunjukkan kepadatan leksikal sebanyak 72.48% manakala buku aktiviti hanya 60.76%. Dari aspek ukuran variasi leksikal pula, buku teks mempunyai skor 18.90% manakala skor untuk buku aktiviti ialah 30.80%. Kepadatan leksikal dan variasi leksikal yang rendah ini amat memberikan kesan kepada pelajar kerana dua bahan ini merupakan sumber rujukan utama mereka. Selain itu, peratusan yang tinggi dalam 10 jenis kata yang pertama dan 50 jenis kata yang pertama dalam buku teks dan buku aktiviti juga memberikan implikasi bahawa

pelajar tidak mampu memperoleh banyak kosa kata dalam proses pembelajaran mereka melalui penggunaan kedua-dua bahan ini. Keadaan ini amat merugikan pelajar dari segi pembinaan dan perkembangan kosa kata dalam pembelajaran sesuatu bahasa. Keadaan ini bertambah serius jika pelajar sendiri tidak melakukan pembacaan bahan tambahan di luar sesi pembelajaran.

Implikasi Kajian

Penguasaan kosa kata ke arah kemahiran berbahasa dari aspek penulisan merupakan suatu perkara yang amat penting dalam dunia pendidikan. Sebelum seseorang pelajar dapat menguasai kemahiran menulis dengan baik dan berkesan, individu tersebut perlu menguasai kosa kata bahasa tersebut terlebih dahulu. Kosa kata merupakan asas dan tunjang utama sesuatu bahasa, “tanpa kosa kata tiada bahasa” (Wilkins, 1987).

Untuk mencapai matlamat penguasaan kosakata yang maksimum dalam kalangan pelajar, sumber bahan rujukan utama pelajar perlu dikemas kini di samping menggalakkan pelajar melakukan bacaan intensif. Selain itu, guru-guru harus mengamalkan pendekatan pengajaran kosa kata yang berkesan. Kaedah seperti ini akan membantu pelajar menggunakan kosa kata yang pelbagai, rencam, ekonomis, padat dan berjaya menyampaikan makna dengan tepat seperti yang pernah dikemukakan oleh Singleton (1999), pelajar tidak akan menguasai kosa kata atau mana-mana elemen yang berhubung dengannya selagi mereka tidak dikehendaki untuk memberikan ‘perhatian’ padanya.

Pihak-pihak yang terlibat dalam penyediaan dan penerbitan buku teks dan buku aktiviti seperti Biro Buku Teks, Kementerian Pendidikan, pihak penerbit, penulis dan panel penyemak hendaklah lebih berhati-hati ketika menghasilkan pakej bahan berkenaan untuk kegunaan pihak sekolah. Tegasnya, penggunaan jenis kata dan kosa kata dalam buku teks dan buku aktiviti harus diberikan perhatian yang lebih teliti kerana bahan ini merupakan sumber rujukan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Selain itu, mereka perlu mengkaji senarai daftar kata yang dikeluarkan oleh BPK dengan memastikan bahawa sebahagian besar daripada kata tersebut dimasukkan ke dalam buku teks dan buku aktiviti. Perkataan tersebut mesti digunakan dalam kedudukan yang menarik dan mencabar supaya pelajar akan memahami pelbagai konteks penggunaannya. Menurut ahli bahasa (Paribakht & Wesche, 1997; Saragi, Nation & Meister, 1978), untuk membolehkan seseorang individu menguasai sesuatu kosa kata, kosa kata itu perlu wujud sekurang-kurangnya sepuluh kali dalam masa tempoh tiga bulan untuk membentuk sebahagian daripada kosa kata aktif pengguna bahasa itu. Ini bermakna, daftar kata yang ingin dikuasai oleh pelajar itu

harus diulang beberapa kali sama ada dalam buku teks ataupun melalui aktiviti komunikasi pelajar supaya kekal dalam ingatan pelajar. Oleh itu, dalam usaha untuk memperkukuh penggunaan bahasa di sekolah, disarankan supaya guru terlebih dahulu berusaha meningkatkan penguasaan kosa kata aktif-produktif pelajar sekolah rendah dengan menggalakkan mereka supaya lebih membaca dan buku rasmi sekolah iaitu buku teks dan buku aktiviti yang dibekalkan oleh pihak Kementerian perlu menggunakan kosa kata yang lebih luas dan mendalam supaya majulah bahasa dan bangsa.

Cadangan untuk Kajian Lanjutan

Memandangkan penguasaan kosa kata memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran dan penguasaan sesuatu bahasa, maka dicadangkan agar kajian yang lebih terperinci dan meliputi saiz responden yang lebih besar dapat dilakukan untuk melihat kekayaan kosa kata khususnya dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Kajian tersebut boleh melibatkan pelajar dari tahap atau tahun yang berbeza. Kajian juga boleh dilakukan terhadap responden dari sekolah di kawasan geografi yang berbeza dan membuat perbandingan tentang penguasaan kosa kata dalam kalangan mereka daripada aspek yang pelbagai.

Rujukan

- Bahagian Pembangunan Kurikulum (2012). *Panduan guru bahasa Malaysia sekolah kebangsaan tahun 3*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Carter, R. (2000). *Vocabulary: applied linguistic perspectives*. (2nd edition) London: Collins.
- Ediger, M. (1997). *Teaching reading and the language arts in the elementary school*. Kirksville: Missouri Simpson Publishing Company.
- Ediger, M. (1998). *Goals of reading instructed experiments in education*. India: SITU Council of Education Research, 11-19.
- Ediger, M., & Bhaskara, D. (2003). *Teaching language arts successfully*. New Delhi: India Discovery Publishing House.
- Fann, M. (2000). How big is the gap and how to narrow it? An investigation active and passive vocabulary knowledge of L2 learners. *RELC Journal*, (35), 105-119
- Gatgercole, S. E., & Baddeley, A. D. (1989). Evaluation of the role of phonological STM in the development of vocabulary in children: A longitudinal study. *Journal of Memory and Language*, (28), 200-213.
- Harley, B., & King, M. L. (1989). Verb lexis in the written compositions of young L2 learners. *Studies in Second Language Acquisition*, (11), 415-436.
- Iskandarwassid, M. Pd. & Senendar, H. D. (2011). *Strategi pembelajaran bahasa*. Bandung: Yrama Widya.

- Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). *Kurikulum standard sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laufer, B. (1997). The lexical plight in second language reading: words you don't know, words you think you know, and words you can't guess. In J. Coady & T. Huckin (Eds.), *Second language vocabulary acquisition: A rationale for pedagogy* (pp. 20–34). Cambridge: Cambridge University Press.
- Laufer, B. (2003). Vocabulary acquisition in a second language: do learners really acquire most vocabulary by reading? Some empirical evidence. *Canadian Modern Language Review*, (59), 565-585.
- Laufer, B., & Nation, P. (1995). Vocabulary size and use: Lexical richness in L2 written production. *Applied Linguistics*, 16(3), 307-322.
- Nation, I. S. P. (2001). *Learning vocabulary in another language*. Cambridge Applied Linguistics. Cambridge: CUP.
- Nation, I. S. P., & Waring, R. (1997). Vocabulary size, text coverage, and word lists. In Schmitt, N., & Mc Carthy, M. (Eds.), *Vocabulary: Description, acquisition and pedagogy* (pp. 6-19). Cambridge: Cambridge University Press.
- Paribakht, S. T., & Wesche, M. (1997). Vocabulary enhancement activities and reading for meaning in second language vocabulary acquisition. In J. Coady & T. Huckin (Eds.), *Second language vocabulary acquisition: A rationale for pedagogy* (pp. 174-202). Cambridge: Cambridge University Press.
- Santos, T. (1988). Professors' reactions to the academic writing of nonnative-speaking students. *TESOL Quarterly*, 22(1), 69-90.
- Saragi, T., Nation, I. S. P., & Meister, G. F. (1978). Vocabulary learning and reading. *System*, 6(2), 72-78.
- Singleton, D. (1999). *Exploring the second language mental lexicon*. Cambridge: Cambridge Applied Linguistics.
- Vijayaletchumy, S., Mohd. Sahandri Gani, H., Noor Aina D., Nik Rafidah & Abdul Rashid. (2014). *International Journal of Diversity in Organizations, Communities and Nations*, 9(2), 35-42.
- Tarigan, H. G. (2011). *Pengajaran kosa kata*. Bandung: Angkasa.
- Wilkins, D. (1972). *Linguistics in language teaching*. London: Edward Arnold.